

# Kompetensi pastikan penjawat awam terus kekal relevan

**Rata-rata** penjawat awam lega apabila pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan kawalan saiz perkhidmatan awam mulai tahun ini hingga 2021 tidak akan membabitkan pemberhentian kakitangan kerajaan, sebaliknya hanya meliputi jawatan tidak diisi melebihi dua tahun.

Jelas di sini, isu kawalan saiz perkhidmatan awam mula mencetuskan panik dalam kalangan penjawat awam sedia ada, serta pencari kerja dan graduan. Namun, penjelasan JPA sewajarnya difahami semua pihak.

Kaedah kawalan bakal dilaksanakan itu sebenarnya menyediakan cabaran getir kepada penjawat awam untuk memastikan mereka kekal relevan dalam perkhidmatan awam.

Jumlah 1.7 juta penjawat awam seringkali mencetuskan polemik apabila berlaku pertembungan antara dua pandangan yang mengatakan ia ramai dan sebaliknya. Apa pun, masing-masing ada alasan dan justifikasi logik serta rasional.

## Laksana dasar kerajaan

Umum mengetahui penjawat awam tulang belakang kerajaan. Mereka bertanggungjawab melaksanakan segala dasar diperkenalkan kerajaan dengan cara menyampaikannya secara terus kepada rakyat, di samping menjadi orang tengah dan perantara antara rakyat dengan kerajaan.

Fungsi dan peranan sesebuah kerajaan akan terjejas, malah boleh dikatakan lumpuh andai penjawat awam gagal menunaikan



Penjawat awam perlu secara berterusan meningkatkan ilmu dan pengetahuan supaya kemahiran dan kecekapan yang ada dapat diasah dan diperkasakan”

tanggungjawab dengan berkesan.

Justeru, daripada berdebat kenapa perlu laksanakan kawalan saiz perkhidmatan lebih elok jika penjawat awam sahut sebagai cabaran untuk muhasabah peranan dan kedudukan masing-masing, seterusnya berusaha meningkatkan prestasi dan sumbangan bagi membuktikan diri wajar dan layak dikekalkan.

## Revolusi Industri 4.0

Hari ini kita bercakap mengenai Revolusi Industri 4.0, *Internet Of Things* (IOT) serta *artificial intelligence* (AI). Di mana kedudukan kita dalam perkembangan teknologi seperti ini? Apakah sudah bersiap sedia dengan kemahiran diperlukan?

Jika alpa kerja kita akan diambil alih oleh mesin, robot dan kom-

puter sepenuhnya satu hari kelak. Jadi, terserah kepada kita sebenarnya untuk memastikan sama ada masih kekal relevan dengan kedudukan sekarang.

Penjawat awam perlu secara berterusan meningkatkan ilmu dan pengetahuan supaya kemahiran dan kecekapan yang ada dapat diasah dan diperkasakan. Cara kerja dan pemikiran juga perlu berubah dengan lebih pantas selari perubahan teknologi serta memenuhi ekspektasi pelanggan.

Setiap agensi kerajaan perlu membantu warga kerja membangunkan bakat dan kompetensi secara berterusan.

## Noor Mohamad Shakil Hameed,

Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia